

**Dunia sambut baik pernyataan Malaysia di PBB - Tun M  
AstroAwani  
29 September 2019  
Harits Asyraf Hasnan,**

NEW YORK: Kebanyakan negara dilihat menyambut baik pernyataan Malaysia di pentas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sesi Ke-74.

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, ramai antara mereka yang berada di Ibu Pejabat PBB itu bersetuju atas tindakan Malaysia mengkritik beberapa isu global.

"Saya dapati bahawa ramai daripada yang berada dalam dewan itu nampak bersetuju dengan pendapat dan kritikan kita terhadap soal Israel-Palestin, iklim yang berubah dan beberapa perkara lagi termasuk soal percubaan untuk boikot minyak sawit.

"Ini antara perkara yang telah saya bangkitkan. Rata-rata saya dapati bahawa ramai yang berada dalam dewan itu menyambut baik pernyataan yang kita (Malaysia) buat," katanya pada sidang media mengakhiri lawatan kerja lima hari ke Amerika Syarikat pada Sabtu.

Dr Mahathir berada di New York dari 24 hingga 28 Sept bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) Sesi ke-74.

Selain mengkritik kuasa veto dan peranan badan dunia itu, Dr Mahathir turut menyentuh berkenaan krisis Rohingya, krisis Jammu dan Kashmir selain isu kapitalis dan perang dagang.

Sejurus selesai menyampaikan ucapan pada Jumaat, rata-rata delegasi antarabangsa sanggup beratur panjang untuk bersalaman dengan Dr Mahathir.

Bukan itu sahaja, mereka turut merakamkan terima kasih atas kelantangan Malaysia memperjuangkan isu-isu berkepentingan di peringkat global.

**© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.**

**(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dunia-sambut-baik-penyataan-malaysia-di-pbb-tun-m-218743>